

NO. SOALAN : 145

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 18 MEI 2016

RUJUKAN : 8998

SOALAN:

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci, tindakan yang telah
diambil dalam tahun 2015 terhadap sindiket dan agen menipu
pendatang asing untuk bekerja di Malaysia secara haram.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, tindakan secara terperinci yang telah diambil dalam tahun 2015 terhadap 55 orang agen atau sindiket yang ditangkap adalah seperti berikut :

- (i) lapan belas (18) orang dibebaskan setelah siasatan lanjut dijalankan dan mendapati tiada kes terhadap mereka ;**
- (ii) tiga (3) orang dikompaun ; dan**
- (iii) tiga puluh empat (34) orang telah dipertuduh di mahkamah jenayah.**

Daripada jumlah ini, seramai 25 orang adalah rakyat Malaysia, 17 warganegara Indonesia, 8 warganegara Thailand, 2 warganegara Pakistan dan masing-masing seorang dari India, Filipina dan Laos.

Pada masa yang sama, seramai 13 orang ditangkap di bawah seksyen 56(1A)(a), 11 orang ditangkap di bawah seksyen 56(1A)(b) dan 2 orang ditangkap di bawah seksyen 56(1A)(c), Akta Imigresen 1959/63.

Manakala, seorang ditangkap di bawah seksyen 55A, 8 orang ditangkap di bawah seksyen 55D dan 2 orang di bawah seksyen 56(1)(g), Akta Imigresen 1959/63.

Terdapat juga seramai 9 orang juga ditangkap di bawah Seksyen 12(1)(a) dan 3 orang lagi di bawah seksyen 12A, Akta Pasport 1966.

Daripada jumlah 34 orang yang dipertuduh, seramai 16 orang telah dipenjarakan, 8 orang dipenjara bersertakan denda dengan jumlah terkumpul RM35,000, seorang didenda RM10,000 tanpa hukuman penjara dan seorang telah dilepaskan tanpa dibebaskan oleh pihak mahkamah.

Manakala seramai 8 orang masih dalam proses perbicaraan dalam mahkamah.